

Guna konsep moden, hijau

**MBSA-99 Speed Mart
kerjasama bina pusat
kitar semula dengan
konsep baharu**

MUHAMMAD FAIZ SULONG

SHAH ALAM

Demi memperkasakan amalan budaya kitar semula dalam kalangan masyarakat, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) akan membina pusat kitar semula yang berkonsepkan moden dan mempunyai elemen kehijauan di Setia Alam, Seksyen U13, Shah Alam.

Pusat kitar semula berkenaan dibina sebagai satu usaha mendidik dan memberi kesedaran kepada orang ramai akan peri pentingnya untuk menjadikan kitar semula sebagai budaya dan amalan hidup masyarakat demi sebuah kehidupan masa depan yang lebih bersih dan harmoni.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA, Shahrin Ahmad berkata, melalui pusat kitar semula itu, masyarakat akan di-

dedahkan dengan aktiviti pengurangan sisa sampah melalui pengasingan sampah dari rumah.

"Pusat kitar semula ini akan merangkumi tiga seksyen iaitu pejabat, galeri dan pusat pengumpulan dan ia akan dibina hasil kerjasama MBSA dan 99 Speed Mart Sdn Bhd yang menyumbang sebanyak RM500,000 melalui hasil dana kutipan beg plastik yang telah dilaksanakan.

"Pusat pengumpulan ini akan menempatkan tiga unit tong kitar semula 660L untuk plastik, aluminium dan kertas.

"Selain itu, MBSA juga akan menyediakan satu ruang khas dengan menempatkan satu unit tong 60L untuk pengumpulan minyak masak terpakai manakala empat unit tong kitar semula 660L akan ditempatkan untuk mengumpul bahan-bahan seperti *electronic waste* dan sebagainya.

"Galeri bahan kitar semula juga akan ditempatkan di pusat kitar semula ini untuk mendidik dan memberi kesedaran kepada masyarakat khususnya kanak-kanak mengenai kepentingan kitar semula untuk diterapkan di dalam kehidupan seharian," katanya menerusi kenyataan media.

Menurutnya, MBSA menyasarkan untuk mendidik dan mem-



Ng Lee Tieng menyerahkan sumbangan sebanyak RM500,000 kepada Ahmad Zaharin.

promosikan Kempen Pengurangan Sisa, *No Plastic Bag* kepada warga Shah Alam sebagai komitmen berterusan MBSA bagi memupuk sikap memulihara alam sekitar di setiap lapisan masyarakat.

Majlis pelancaran pembinaan pusat berkenaan disempurnakan oleh Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad.

Hadir sama Pengarah Eksekutif 99 Speed Mart Sdn Bhd dan Pengarah MIS 99 Speed Mart Sdn Bhd, Simon Yong.



Gimik pecah tanah bagi pembinaan pusat kitar semula oleh Ahmad Zaharin diiringi Ng Lee Tieng.